

Implikasi jenayah siber dalam kalangan pelajar

MINDA PENDIDIK

Oleh PROF. MADYA DR.
ABDUL SAID AMBOTANG

UB 28.8.2019 B2
JENAYAH siber merupakan jenayah yang melibatkan segala aktiviti jenayah yang biasa dilakukan seperti kecurian, penipuan, peras ugut dan segala aktiviti yang melibatkan pelanggaran undang-undang yang sedia ada dengan menggunakan Internet di ruangan siber. Istilah dunia siber atau 'cyberworld' pertama kali digunakan oleh William Gibson seorang penulis sains fiksi dalam bukunya yang bertajuk *Neuromancer* yang mana beliau menggambarkan sebagai 'suatu istilah tekno dan menggugat perasaan tetapi pada dasarnya tidak bermakna, yang berfungsi sebagai kata laluan untuk semua idea sibernatiknya'.

Kini, istilah ini telah diguna pakai dengan meluas untuk menggambarkan sesuatu yang berkaitan dengan computer, teknologi maklumat, internet dan pelbagai budaya Internet. Secara mudahnya ianya merujuk kepada dunia atas talian, iaitu suatu tempat yang benar-benar wujud, walaupun sebagai media komunikasi berbanding suatu galaksi lain. Dengan erti kata yang lain, jenayah siber adalah mana-mana aktiviti yang tidak sah yang mana pengetahuan mengenai teknologi siber digunakan untuk merealisasikannya. Walau bagaimanapun, takrifan jenayah siber bergantung kepada takrifan jenayah di sesebuah negara. Sebagai contohnya di Malaysia, perjudian, pornografi, pengiklanan seks adalah satu jenayah tetapi bukan merupakan jenayah di negara lain.

Oleh yang demikian tidak terdapat definisi yang jelas bagi menggambarkan apa itu jenayah siber. Sesetengah pihak mentakrifkan 'jenayah siber' adalah merujuk kepada jenayah komputer. Ini memandangkan keupayaan komputer yang mampu melaksanakan aktiviti-aktiviti jenayah konvensional seperti penipuan, pencurian, peras ugut dan pencerobohan yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap harta benda individu atau organisasi.

Menurut seorang penyelidik-kanan yang berpengalaman luas dalam jenayah komputer dan keselamatan untuk SRI International California, jenayah komputer boleh ditakrifkan sebagai sebarang cara yang boleh menyebabkan mangsa menderita atau boleh menyebabkan penderitaan, kerugian dan berterusan. Kenyataan ini disokong oleh Jabatan Kehakiman di Amerika Syarikat yang mengatakan bahawa jenayah komputer adalah sebarang aktiviti yang tidak sah menggunakan pengetahuan teknologi komputer sebagai alat untuk merealisasikan kemusnahan dan kerugian yang berpanjangan.

Situasi semasa yang berubah disebabkan oleh perkembangan teknologi yang seiring dengan perkembangan ekonomi global menyebabkan generasi muda masa kini terutamanya pelajar banyak menghabiskan masa dalam dunia siber. Kebanyakan pelajar lebih banyak menghabiskan masa dengan melayari Internet untuk mengakses maklumat terutama sekali terlibat dengan laman sosial seperti Facebook dan Twitter. Terdapat juga pelajar atau remaja yang menggunakan kemudahan ini sebagai tempat menjana pendapatan dan tidak kurang juga yang terjerumus

ke dalam 'cinta siber' yang membawa kepada perlakuan sumbang atau seks bebas. Antara jenayah siber yang melibatkan pelajar mahupun golongan remaja ialah seperti penipuan, capaian tidak sah ke atas sistem, judi siber, skim cepat kaya, penyebaran virus, pornografi, pedofilia, gangguan berulang (harassment), gangguan seks, ancaman atau fitnah melalui email dan sebagainya.

Jika dibandingkan pelajar kini dan pelajar sekolah masa dahulu, mereka lebih berinformasi dengan dunia tanpa sempadan yang mana mereka boleh mengakses maklumat di mana-mana sahaja. Pelajar masa kini memang pintar tetapi mereka kurang matang dalam memahami implikasi daripada aktiviti-aktiviti dalam talian mereka. Akibatnya, ramai pelajar yang pintar dalam komputer terjebak dalam aktiviti-aktiviti yang tidak sihat seperti jenayah dan juga masalah sosial berkaitan dunia siber. Dalam satu laporan akhbar, seorang remaja telah membunuh diri apabila beliau dibuli oleh rakan sekelasnya dalam talian. Ramai pelajar juga terlibat dalam aktiviti jenayah secara talian, seperti berjudi dalam talian, melawat laman-laman web lucah, melakukan penipuan, mencuri maklumat, menyebarkan virus semata-mata disebabkan perasaan ingin tahu dan mahu mencuba.

Inilah realiti sebenar atau cabaran sebenar dunia moden terutama sekali untuk golongan pelajar atau remaja. Kebanyakan pelajar menggunakan siber untuk menjalin hubungan sosial seperti menerusi laman web *Facebook*, *Twitter*, *Friendster* dan lain-lain lagi yang menawarkan pelbagai tawaran serta perkhidmatan yang

menarik dan menyeronokkan yang menarik minat pelajar atau remaja untuk menyertainya. Melalui laman web sebegini juga telah menjadi tumpuan kepada penjenayah yang mahu menjadikan pelajar atau remaja sebagai mangsa mereka.

Terdapat juga pelajar atau remaja tidak menyedari keperluan untuk menjaga maklumat peribadi mereka, ataupun gambar-gambar peribadi mereka jatuh ke tangan pihak yang tidak dikenali dan sekali gus menjadi mangsa penjenayah-penjenayah dunia siber seperti terlibat dalam dunia pornografi, pelacuran, seks bebas, penculikan dan pemerdagangan manusia. Jenayah ini didorong oleh tingkah laku pelajar itu sendiri yang jika kita lihat tidak segan silu mempamerkan gambar peribadi yang mendedahkan aurat yang amat keterlaluan.

Kadang-kadang pelajar atau remaja masa kini terlalu ingin menonjolkan diri mereka kerana ingin dipuji dan mendapat perhatian dari orang lain sedangkan dalam dunia realiti sebenar, mereka tidak dapat berbuat demikian dan hanya melagui laman web sebegini mereka dapat memuaskan kehendak mereka. Inilah natijahnya sekiranya tiada pengawalan penggunaan laman web ke atas pelajar dan sikap manusia yang sering ingin berlumba-lumba mengejar arus kemodenan yang tanpa memikirkan kesan buruk yang bakal diterima.

Ketirisan dari segi nilai adab dan sopan santun serta kekurangan pendidikan agama juga merupakan faktor pendorong pelajar terlibat dengan masalah jenayah siber. Budaya liberalisasi yang semakin menular seiring dengan perkembangan modenisasi

dan kemajuan ekonomi menampakkannya sebagai satu masalah yang baharu. Kebebasan menyeluruh dan kurang keprihatinan terhadap norma dan budaya oleh masyarakat moden masa kini memberi peluang kepada pelajar atau remaja bebas melakukan sesuatu di luar norma dan adat budaya masyarakat.

Sebagai contoh dalam pergaulan antara pelajar lelaki dan perempuan. Sesetengah ibu bapa yang berfikir liberal, mereka tidak peduli atas pergaulan bebas anak mereka antara lelaki dan perempuan. Ini menjadikan pelajar berfikir yang mereka bebas melakukan apa sahaja tanpa sekatan. Situasi yang terlalu terbuka ini boleh menjerumuskan mereka kepada aktiviti yang tidak sihat terutama sekali seks bebas. Hal ini memberikan natijah yang lebih besar dan sukar dikawal. Bukan sahaja kepada institusi kekeluargaan malah masyarakat dan negara amnya.

Secara umumnya, jenayah siber dalam kalangan pelajar mahupun remaja merupakan isu yang penting yang perlu difikirkan bersama bagi mencari jalan penyelesaian terbaik. Masalah ini bukan sahaja perlu difikirkan oleh warga pendidik semata-mata, kerana ianya melibatkan pelajar sekolah tetapi beban ini juga perlu dipikul bersama oleh ibu bapa dan masyarakat untuk berganding bahu bekerjasama untuk mencari titik penyelesaian yang efektif.

Satu lagi isu yang besar dalam pendidikan dan penting untuk difikirkan bersama ialah cabaran yang dihadapi untuk melahirkan modal insan berkualiti. Tanpa usaha yang berterusan dan pembangunan strategik yang mapan bagi

mencapai misi ini agak sukar untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Namun perancangan strategik yang dirangka oleh kerajaan pada masa ini iaitu *Malaysian Education Blueprint 2013-2025* atau Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia akan menjadi satu fenomena baharu dalam dunia pendidikan dalam usaha semua pihak mengejar misi dan visi negara. Apa yang lebih penting ialah kerjasama di semua peringkat atasan dan akar umbi bagi menjayakan misi ini.

Di samping itu, perlu diberi penekanan di sini bahawa beban yang ditanggung oleh guru juga perlu dikongsi bersama oleh ibu bapa dan masyarakat dalam menjayakan matlamat ini. Kebergantungan yang tinggi untuk mendidik pelajar oleh ibu bapa terhadap guru akan menyukarkan kejayaan pelajar yang mana masa pelajar adalah lebih banyak di rumah berbanding di sekolah.

Oleh itu, keprihatinan dan sokongan dalam mendidik pelajar di rumah dan menanamkan ilmu ukhrawi oleh ibu bapa akan memudahkan pencapaian matlamat melahirkan modal insan berkualiti. Begitu juga peranan yang berat yang dipikul oleh masyarakat dalam membantu mendidik pelajar terutama sekali dalam membendung pelajar atau remaja dari terlibat dengan masalah jenayah siber yang boleh membantutkan usaha ke arah melahirkan pelajar dan modal insan berkualiti yang bertaraf dunia.

* Penulis adalah Pensyarah Kanan di Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah